

19 OCT 1996

WARTAWAN BH, SUNDAY STAR DAN NANYANG MENANG ANUGERAH

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Wartawan dari Berita Harian, Sunday Star dan Nanyang Siang Pau adalah antara pemenang Anugerah Media Red Ribbon 1996 yang pertama yang diperkenalkan oleh Yayasan Aids Malaysia.

Maizura Mohd Ederis dari Berita Harian memenangi anugerah bagi kategori akhbar berbahasa Melayu dengan rencana bertajuk "Seks Rambang Tingkat Risiko AIDS", Mangai Balasegaram dari Sunday Star menang dalam kategori akhbar berbahasa Inggeris dengan rencananya bertajuk "Battling For Inner Peace".

Koh Yoke Moi dan Yew Hong Chin dari Nanyang menang dalam kategori akhbar berbahasa Cina dengan rencana mereka bertajuk "'AIDS- A Challenge To Humanity.

Penerbit program TV2 bercorak perbincangan "Global" Manoharan Govindaraju memenangi anugerah bagi kategori penyiaran menerusi programnya bertajuk "Global Fight Against AIDS".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah itu pada majlis jamuan malam "Red Ribbon Gala" anjuran Yayasan AIDS Malaysia di sebuah hotel di sini malam ini.

Institut Limkokwing merupakan penerima pertama Anugerah Dr Siti Hasmah yang diwujudkan oleh yayasan itu untuk menghargai sumbangan daripada individu, kumpulan atau pertubuhan dalam bidang HIV/AIDS. Anugerah itu disampaikan sendiri oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Majlis jamuan itu berjaya mengutip RM2.65 juta melalui jualan meja dan lelongan beberapa barang. -- BERNAMA

AFY AKD